

Persoalan Akidah: Menapis Fakta Daripada Fiksyen

Perbincangan yang telah dihoskan oleh Forum Kandungan membongkar bagaimana pencipta kandungan dan orang awam boleh mengukuhkan wacana Islam dalam talian

KUALA LUMPUR, 19 APRIL 2023 – Pelantar media sosial telah membuka banyak peluang kepada para pendakwah bagi merungkai pemahaman mengenai agama Islam. Walaupun wacana sedemikian berupaya meningkatkan pengetahuan rohani, maklumat yang salah atau dakwaan yang mengelirukan juga boleh membawa kepada kekeliruan — kadangkala menyebabkan pergaduhan dalam talian. Perkara seperti ini telah berlaku sebelum menjelang Ramadan lagi dengan meningkatnya kandungan tular atau isu yang melibatkan masyarakat dan agama Islam di Malaysia.

Bagi merungkai fenomena ini dan mengenal pasti jalan penyelesaian bagi memperkukuh wacana Islam secara dalam talian, Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (CMCF) dan stesen radio Astro, ZAYAN telah menganjurkan forum bertajuk “Let’s Talk Content – Isu-Isu Agama Viral: Menyangkal Yang Dangkal”.

Antara panel jemputan dan hos terdiri daripada pemain industri terkenal dan pendakwah, iaitu; penyanyi dan komposer Damian Mikhail; Faizal Ismail, penyampai radio ZAYAN; penceramah bebas Ustazah Suriani Ismail; dan pengacara televisyen Amin Idris.

Dengan percambahan kandungan dalam talian mengenai agama — terutamanya kata-kata nasihat yang disertakan dengan ayat Al-Quran — sebahagian pengguna digital mungkin berasa sukar untuk membezakan antara hadith sahih dan palsu (hadith mawdu’). Ustazah Suriani berkata, mereka yang menyampaikan dakwah secara dalam talian harus berpegang teguh kepada ilmu dan fakta. “Orang awam seperti kita, yang mungkin tidak tahu perkara yang benar atau salah, harus menyelidik terlebih dahulu latar belakang pendakwah tersebut, bertauliah atau tidak,” katanya.

Damian bersetuju, sambil menambah bahawa pencipta kandungan harus mempraktikkan kawalan sendiri dari berkongsi kandungan kontroversi demi klik dan viral. Beliau juga berkata bahawa dalam era di mana sesiapa sahaja boleh menjadi pencipta kandungan, adalah amat penting untuk merujuk kepada garis panduan kandungan bagi mengelak kecaman dan tindak balas orang awam. “Ia berpunca daripada sikap merendah diri dan rasa tanggungjawab. Sebaik-baiknya kita keluar dari ‘mentaliti kelompok’ yang berlaku pada sesetengah orang awam. Kita sepatutnya berfikiran kritikal dan analitikal apabila berlaku sesuatu kejadian,” tambahnya.

Antara garis panduan yang dimaksudkan adalah Kod Kandungan 2022, yang menggariskan amalan terbaik untuk mencipta dan menggunakan kandungan yang merentasi semua medium. Kod tersebut termasuk panduan mengenai kandungan agama, di mana setiap orang harus memastikan bahawa kandungan mereka tidak mempunyai elemen rujukan yang kasar atau diskriminasi. Garis panduan ini juga memberi amaran terhadap kandungan palsu atau mengelirukan dan mengehadkan pengekalan perkara tidak benar yang boleh menyebabkan ketakutan yang tidak berasas.

Bagi memperhalusi perkara tersebut, Faizal menjelaskan bagaimana dia berkongsi ajaran Islam sebagai penceramah motivasi. "Saya tidak akan mengulas mengenai topik yang saya tidak layak untuk bercakap. Apabila berhujah mengenai hadis, ia bukan sekadar membaca kerana anda perlu mempunyai ilmu dalam bidang lain. Saya juga tidak akan menghuraikan ayat Al-Quran, kerana itu bukan kepakaran saya," katanya. Amin memuji pendekatan ini dan berkata: "Kita harus mengambil contoh Faizal dalam mencari ilmu. Nak jadi pandai tapi tak memandai-mandai."

Memandangkan terdapat kepelbagaian pendapat dalam soal agama, Ustazah Suriani menekankan perlunya kembali ke lumrah. "Agamawan pun berbeza pendapat dalam sesuatu isu, dan terpulang kepada kita sebagai individu untuk menentukan perspektif mana yang ingin kita ikut. Tetapi apa sahaja yang kita rujuk mestilah berdasarkan ilmu," katanya. Selain itu, Damian berkata bahawa beliau mengalu-alukan kepelbagaian pendapat selagi tidak bertentangan dengan Al-Quran dan Sunnah. "Islam adalah mengenai penambahbaikan yang berterusan. Sejak lahir sehingga kini, ia adalah proses pembelajaran yang berterusan. Saya meraikan perbezaan pendapat asalkan ia berpegang kepada Al-Quran dan sunnah," katanya.

Dalam merungkai isu tular mengenai agama, ahli panel menggesa pengguna media sosial merenung sesuatu isu atau situasi sebelum terlibat dalam perbincangan digital yang hangat. Contohnya ialah perdebatan baru-baru ini sama ada memuatnaik juadah berbuka puasa dalam talian sebagai "menunjuk-nunjuk". Ustazah Suriani berkata berdasarkan hadis, perbuatan tersebut hendaklah dinilai dengan niatnya. "Pengalaman berdepan para asnaf, apa yang dijual hari ini, belum tentu boleh pulang modal. Media sosial menjadi medan marketing. Berdasarkan hadis Nabi, "Sesungguhnya segala apa yang kita buat bergantung kepada niat". Apabila kita mempunyai adab dan akhlak, kita akan menghormati perasaan orang lain," katanya.

Pada masa yang sama, ahli panel turut memberi peringatan kepada mereka yang menggunakan agama sebagai alat, seperti pihak yang tidak bertanggungjawab dengan bertopengkan kebajikan dalam melakukan penipuan sepanjang Ramadan. "Kita harus menuntaskan usaha wajar sebelum bersedekah. Contohnya, Ustazah Asma (Harun) membuat panggilan video untuk kesahihan sebelum memberi bantuan," kata Faizal. Ustazah Suriani berkata, isu itu perlu dilihat melalui kaca mata yang membina. "Berdusta tetap berdosa, tetapi bersedekah peroleh pahala. Dalam soal kebajikan pula, kita harus mengutamakan keluarga sendiri kerana kita akan mendapat ganjaran daripada Allah di samping mengeratkan hubungan kekeluargaan," katanya.

Mereka yang berminat untuk menyaksikan rakaman penuh sesi perbincangan boleh kunjungi ke halaman Facebook Forum Kandungan: <https://www.facebook.com/mycontentforum/>. Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai Forum Kandungan dan Kod Kandungan, sila lawati www.contentforum.my.

- TAMAT -

MENGENAI FORUM KANDUNGAN

Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (Forum Kandungan) merupakan badan industri kawalan sendiri bebas yang berdaftar di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dan diperuntukkan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM '98) untuk menyelia dan mempromosikan kawalan sendiri kandungan melalui medium elektronik berangkai. Forum Kandungan terdiri daripada pemain utama industri kandungan iaitu pengiklan, agensi pengiklanan, penyiar, pencipta/pengedar kandungan, penyedia perkhidmatan pengehosan teks audio, penyedia perkhidmatan akses internet dan kumpulan sivik.

Bertujuan untuk memudahkan kawalan sendiri, yang menyediakan lapisan tambahan perlindungan pengguna yang melengkapkan rangka kerja undang-undang, Forum Kandungan komited untuk mentadbir dan mempromosikan penciptaan, pendedaran dan penggunaan kandungan elektronik berangkai.

Sebagai badan kawalan sendiri industri, Forum Kandungan terdiri daripada ahli utama industri kandungan komunikasi dan multimedia, termasuk penyiar, pengiklan, pencipta kandungan, penyedia perkhidmatan akses internet dan kumpulan sivik. Perwakilan pengamal industri yang dinamik dan teguh ini memastikan piawaian kandungan terus dibangunkan dengan objektif untuk mewujudkan kesamarataan dalam kalangan industri.

Forum Kandungan bertanggungjawab untuk pelaksanaan dan penguatkuasaan Kod Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (Kod Kandungan). Kod Kandungan telah disediakan oleh Forum Kandungan dan pertama kali didaftarkan dengan MCMC pada 1 September 2004. Kod Kandungan merupakan rujukan utama bagi pengawalseliaan sendiri industri kerana ia mengandungi piawaian pentadbiran dan amalan terbaik untuk penyebaran kandungan dalam industri komunikasi dan multimedia di Malaysia. Objektif utama Kod Kandungan adalah untuk menggariskan prosedur kawalan sendiri yang menyediakan platform untuk kreativiti, inovasi dan pertumbuhan sihat industri yang berkembang pesat.

Forum Kandungan menempatkan Biro Aduan yang diberi kuasa untuk menangani semua aduan berkaitan kandungan yang disebarkan melalui elektronik berangkai. Biro Aduan diberi kuasa untuk menyiasat kemungkinan pelanggaran Kod Kandungan, menjadi perantara pertikaian, mengadili kes, menerbitkan perintah dan mengenakan sekatan sekiranya perlu. Biro Aduan menerima aduan daripada pemain industri dan orang awam. Selain itu, ia memainkan peranan sebagai penasihat kepada mana-mana pihak yang memerlukan bimbingan berkenaan perihal kandungan elektronik.

Dikeluarkan oleh GO Communications bagi pihak Forum Kandungan

Sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

GO Communications

Lim Huei Yuih, Pengarah Penjenamaan.

+6012 635 3278 hueiyuih@gocomm.com.my

Anis Jilid, Eksekutif Kanan Penjenamaan

+6011 1233 9022 anis@gocomm.com.my
